

27 JUN 2004

Zainul-Bersara

TOKOH PERKHIDMATAN AWAM YANG JARANG BERCUTI KINI BERSARA

Oleh: Azman Ujang

PUTRAJAYA, 27 Jun (Bernama) -- Sepanjang 35 tahun dalam perkhidmatan awam, Tan Sri Dr Zainul Ariff Hussain jarang sekali mengambil cuti. Malah beliau mungkin memegang rekod sebagai kakitangan awam yang paling banyak cutinya luput begitu sahaja.

Apabila bersara wajib pada usia 55 tahun tiga tahun lepas sebelum perkhidmatannya disambung secara kontrak, beliau mempunyai 1,333 hari, atau tiga tahun setengah, cuti yang tidak diambil.

Mengikut peraturan asal perkhidmatan awam, cuti yang tidak diambil boleh terkumpul setakat 90 hari sahaja tetapi ini telah ditambah kepada 120 hari mulai tahun ini. Ini bermakna, cuti selebihnya yang tidak diambil adalah luput.

Kenapakah Dr Zainul Ariff tidak suka pergi bercuti?

"Satu tuah bagi saya sihat walafiat, Alhamdulillah. Kita menjaga kesihatan dan tidak ada sebab nak bercuti apabila kerja banyak lagi. Saya suka bekerja dan saya anggap kerja itu sebagai satu keseronokan," katanya dalam temubual dengan Bernama di pejabatnya di sini sebelum menamatkan kontrak tiga tahunnya pada Selasa lepas dalam jawatan terakhirnya sebagai Ketua Pengarah Unit Penyelerasan Pelaksanaan (ICU) Jabatan Perdana Menteri.

Sepanjang perkhidmatan tiga tahun yang disambung itu, beliau juga tidak mengambil cuti 90 hari yang layak baginya kerana "banyak lagi yang kita nak laksanakan untuk memajukan negara ini".

Sambil memetik kata-kata bekas Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad mengenai "Perjuangan Belum Selesai", Dr Zainul Ariff berkata: "Kalau kita seronok buat kerja, timbul kepuasan dalam kerja kita.

" Kita dah dibayar (gaji) pula tu. Kita bila main bola, cukup puas hati walaupun tak dibayar, seronok main. Ini suruh buat kerja, dan dibayar, tak nak buat itu, tak betul pada saya".

Satu lagi keistimewaan perwatakan Dr Zainul Ariff ialah menghantar kad hari jadi kepada semua 900 kakitangan ICU di seluruh negara, satu amalan yang disifatnya sebagai cara tersendiri bagi memupuk semangat berpasukan di kalangan kakitangannya.

"Saya merasakan sebab kita diberi kepimpinan merupakan satu amanah. Saya maklumkan kepada kakitangan saya, saya ada peranan saya sendiri sebagai ketua. Tetapi dari segi manusianya kita semua sama. Jadi dengan itu kita bekerja sebagai satu pasukan dengan tugas dan peranan masing-masing.

" Kita nak bekerja bersama maka tanggungjawab untuk menjaga hati, jaga hubungan rapat, teamwork dalam satu pasukan perlu ada, jadi salah satu caranya saya menganggap hari jadi tu jadi satu perkara yang cukup sensitif pada individu," katanya.

" Setiap kakitangan dalam ICU menerima kad dari saya pada hari jadinya, tak kira dia berkhidmat di Sabah ke atau di Sarawak, Kelantan, Terengganu, mana-mana pelusuk pun dapat kad hari jadi. Alhamdulillah sudah lima tahun saya amalkan ini...lebih 900 kad saya hantar setahun," katanya.

Ada kalanya beliau menelefon terus ke kakitangannya yang menyambut hari jadi dan menyanyi lagu selamat hari jadi kepada mereka menerusi telefon.

" Bila mendapat panggilan begini dari Ketua Pengarah, ini satu rangsangan pada diri dia sendiri. Tempat-tempat yang mana saya pergi lawatan pada hari berkenaan kalau ada pegawai yang hari jadinya jatuh pada hari itu, saya bawa kek hari jadi pada dia, Alhamdulillah jadi seronok lah," katanya.

Sepanjang enam tahun sebagai Ketua Pengarah ICU, satu daripada jawatan paling kanan dalam perkhidmatan awam, Dr Zainul Ariff mewujudkan satu etika kerja yang mengandungi 12 perkara, di samping mewajibkan kakitangan mengambil peperiksaan kemahiran komputer dan secara konsisten menggalakkan mereka menguasai bahasa Inggeris.

Di pejabat ICU, terdapat cermin besar untuk semua kakitangan "mencerminkan diri mereka sendiri".

" Mencerminkan dirinya dari segi fizikalnya, pakaian, tertib dan juga dari segi diri dia sendiri dalam mencari keredaan Tuhan menjalankan tugas

yang  
telah diberi kepada kita.

"Dan akhirnya kita dapati dianya sihat walafait sebab kita dah mencermin diri kita, kita bermuhasabah diri kita sendiri dan pegawai semua muhasabah diri sendiri dari semasa ke semasa," katanya.

Apakah rancangan Dr Zainul Ariff, yang telah berkhidmat di bawah kelima-lima perdana menteri Malaysia, selepas bersara?

Beliau berkata Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi juga bertanya kepadanya soalan yang sama.

"Perdana Menteri juga tanya saya...you nak berhenti ni apa you nak?

" Saya kata tak ada nak apa ...dapat berkhidmat kepada PM (Perdana Menteri) merupakan satu penghormatan, mendapat kepercayaan PM dan berjaya menjalankan tugas itu adalah satu kehormatan dan itu juga satu rahmat.

" Bukan semua orang dapat menjalankan tugas dan bekerja bersama PM, kita diberi kedudukan, amanah merupakan satu amanah yang cukup berat...dan selepas ini legalah sedikit, tidak lagi ada tanggungjawab itu," katanya.

" Saya seorang yang sangat mensyukuri apa yang saya dapat. Sepanjang 35 tahun dalam perkhidmatan awam. saya menyumbang ke arah pembangunan negara dan melihat perubahan yang menakjubkan yang berlaku dalam negara. Ini merupakan satu kesyukuran pada diri saya," kata Dr Zainul Ariff, anak kelahiran Pulau Pinang.

Beliau juga berkata kadang-kadang manusia lupa tentang nikmat dan rahmat Tuhan dan menganggap misalnya, kesihatan itu sebagai suatu hak mereka, sedangkan ia merupakan nikmat daripada Illahi.

" Kita menganggap bahawa kuasa itu sebagai hak kita, pada hal kuasa diberikah oleh Illahi untuk memberi amanah tertentu, dan kita anggap bahawa semua habuan yang ada itu hak kita, dan dengan itu kalau kita tidak dapat apa yang kita kata hak, kita dukacita dan marah dan sebagainya. Tidak, tidak.

" Pada saya semua itu Tuhan bergerak cara tersendiri, kalau Dia tak bagi (beri) adalah hikmahnya...kalau Dia bagi adalah amanahnya...ini perkara yang harus kita ingat".

-- BERNAMA  
AU AU MAI